

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG]
TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 39

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapa banyak perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menangani COVID-19 sehingga 31 Jun 2020 ; dan
- (b) memberikan perincian perbelanjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam menangani penularan wabak COVID-19 secara langsung, sehingga 14 Ogos 2020, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM995 juta bagi membiayai pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi terlibat. Antara perbelanjaan besar adalah bagi perkara berikut:

- i. Sebanyak RM512.5 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan RM1 bilion yang disediakan kepada Kementerian Kesihatan untuk perolehan barangan seperti *personal protective equipment* (PPE), *test kit*, reagen, aset untuk ujian virus isolasi dan PCR-nCOV, thermal scanner, perkhidmatan penghantaran sample dan penggajian 2,000 kakitangan kontrak tambahan;
- ii. Sebanyak RM222.4 juta dibelanjakan untuk elaun khas kepada barisan hadapan yang sedang menangani wabak COVID19 dan melaksanakan tugas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- iii. Sebanyak RM130 juta telah disalurkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membantu pengurus penularan wabak COVID 19;
- iv. Sebanyak RM100 juta disediakan kepada pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan pengurusan wabak COVID 19 termasuk pengurusan pusat-pusat kuarantin seluruh negara, pengwujudan dan kos operasi hospital sementara Covid-19 MAEPS, makan dan minum pelajar institut pengajian tinggi awam dan perolehan pelitup muka serta PPE; dan
- v. Sebanyak RM30 juta dibelanjakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi program sanitasi di kawasan-kawasan zon merah dan pusat-pusat kuarantin.

Sekian, terima kasih.